

# Kerajaan harus ambil tindakan jika ada bukti

UM - 8/9/2020 m/s:6

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan Perikatan Nasional (PN) dan Peguam Negara seharusnya memulakan proses perundangan sekiranya terdapat bukti kukuh untuk mendakwa beberapa individu yang dikaitkan dengan Kumpulan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Peguam Negara sebelum ini memaklumkan, tidak ada bukti kuat untuk mendakwa penyokong LTTE di bawah undang-undang keganasan di negara ini.

Justeru, beliau menulis surat kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang merupakan Menteri Dalam Negeri ketika itu cadangan agar kumpulan tersebut tidak lagi digelar sebagai penganas.

“Pendapat saya bukan suatu arahan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ahli Parlimen Langkawi itu mencadangkan sedemikian berdasarkan pendekatan diambil kerajaan Sri Lanka yang pernah bersemuka dengan LTTE dan tidak lagi menggelar kumpulan itu sebagai penganas.

Bagaimanapun, surat tersebut tular di media sosial sejak minggu lepas sehingga mewujudkan persepsi bahawa Dr. Mahathir seolah-olah bertindak sebagai penyokong LTTE.

Pada 31 Oktober tahun lalu, media melaporkan 12 individu didakwa di tiga Mahkamah Sesyen berasingan atas tuduhan menyokong kumpulan LTTE. Kesemua mereka didakwa mengikut Seksyen 130J (1)(a) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau maksimum 30 tahun atau denda dan boleh

dirampas mana-mana harta yang digunakan atau dianiak digunakan untuk melakukan kesalahan itu, jika sabit kesalahan.

Antara yang dituduh sebelum ini ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, G Saminathan dan ADUN Seremban Jaya, P Gunasekaran.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, sekiranya label penganas digunakan terhadap LTTE, mereka yang didakwa atas tuduhan menyokong LTTE tidak boleh diikat jamin sementara menunggu perbicaraan.